

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 17 BILANGAN 14 RABU 5HB. APRIL 1972 1392 رابو 20 صفر PERCHUMA

PENULIS2 DI-SERU SUPAYA MELAHIRKAN KARYA2 ASLI KE-BRUNEIAN

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Diraja mengingatkan penulis2 tanah ayer supaya melahirkan karya2 yang membayangkan chorak dan bentok negara mereka.

“Penulis2 hendak-lah lebeh sunggoh2 lagi dalam melahirkan karya2 yang bukan meniru2, tetapi membayangkan dengan jelas akan ke-Brunecian kita — peribadi kita, adat-istiadat — dan saterus-nya imej kita orang2 Brunei,” tegas beliau.

Beliau menyatakan demikian dalam majlis penyampaian hadiah2 kepada pemenang2 yang berjaya dalam peraduan mengarang cerita tata-ra'ayat yang di-anjorkan oleh DBP dalam tahun lepas.

Majlis penyampaian hadiah2 itu di-adakan di-Dewan Kuliah DBP pada pagi Jumaat yang lepas dan telah di-hadiri oleh penulis2 tanah ayer termasuk Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Diraja, Dato Seri Utama Awang Haji Md. Zain.



Y.B. Pehin Orang Kaya Amar Diraja Dato Seri Utama (Dr.) Awg. Hj. Mohd. Jamil Al-Sufri.
— Gambar DBP.

Dalam ucapan beliau itu, Pengarah Dewan Bahasa menekankan bahawa hasil chip-taan penulis2 Brunei itu biar-lah karya yang bukan meniru linggang-linggok orang, tetapi satu karya yang benar2 dapat mencherminkan keadaan Bru-ni yang sabenar-nya.

Beliau mengambil misal ter-

hadap pengaroh2 kebudayaan asing yang sedang merebak kuat ka-Asia pada masa ini sa-perti pakaian2 ala hippies dan kaulahan2 yang bukan men-cherminkan keperibadian kita.

Beliau menyelar pendapat2 yang menyarankan yang kita perlu mengikuti kemajuan2 manusia moden sekarang ini yang konon-nya untuk me-nyainbangi kemajuan2 yang pesat sekarang.

Dengan berseluruh, beliau berkata, sa-bagai orang2 Islam, maka ada-lah wajar bagi kita untuk meniru perkara2 yang menunjukkan jalan ka-shorga, tetapi bukan meniru perkara2 untuk jalan ka-neraka.

Berbalek kepada tanggung-jawab penulis tanah ayer, maka beliau menyeru mereka supaya terus-menerus berusaha dalam lapangan masing2 demi untuk kepentingan pembangun-an bangsa dan negara.

Beliau juga menguchapkan tahniah kepada pemenang2 peraduan dan mengharap-kan kepada mereka supaya lebeh sunggoh2 pada menghadapi peraduan2 yang akan datang.

Kapada yang belum lagi be-jaya, beliau mengharap-kan me-reka supaya tidak mudah ta-war hati, bahkan hendak-lah meneliti kesilapan2 mereka dan berusaha untuk mengatasi-nya bagi menghadapi peraduan2 yang akan datang.



PASOKAN D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei telah berjaya mengalahkan pasokan orang2 yang bergelar dalam perlawanan tarek tali yang telah di-adakan di-Padang Besar Bandar Seri Begawan pada hari Sabtu lepas.

Perlawanan tersebut ia-lah bagi merebut piala yang di-kor-niakan oleh Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan, Sultan bagi memperingati lawatan Duli Yang Maha Mulia Padu-ka Seri Baginda Queen ka-Brunei.

Hadiah2 telah di-sampaikan oleh Tuan Yang Terutama Pe-surohja Tinggi British, Awang Peter Gautrey.

Gambar atas menunjukkan pasokan D.Y.M.M. dengan sa-kuat2 tenaga menarik tali dengan taktik yang terakhir untok me-newaskan lawan.

Hadiah k'jaan bagi memperingati lawatan Baginda Queen ka-Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kerajaan Brunei akan mengadakan satu projek di-Britain, bagi memperingati la-watan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Queen ka-Brunei.

Duli Yang Maha Mulia Pa-duka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan telah ber-kenan menitahkan projek itu, semasa Baginda menyambut keberangkatan Baginda Queen, Yang Teramat Mulia Prince Philip, Duke of Edin-burgh, dan Yang Teramat Mu-lia Princess Anne di-Lapau, pada 29hb. Februari.

Satu kenyataan kerajaan, yang di-keluarkan baru2 ini berkata, keputusan telah di-buat, bahawa pemberian kera-jaan Brunei itu, merupakan sa-

buah tempat kediaman di-Uni-versiti of Southampton.

Bangunan itu akan menam-pong, lebeh dari sa-ratus orang penuntut, dan akan di-kenali dengan nama “Brunei Hall”.

Bangunan itu, akan di-lekati dengan sa-buah lenchana, yang menunjukkan, bahawa bangunan itu, ada-lah pemberian dari kerajaan Brunei bagi mem-peringati lawatan Di-Raja itu ka-Brunei.

Kenyataan itu berkata, Uni-versiti of Southampton, telah di-pilih sebab penuntut Brunei yang julong2 kali lulus dari Britain, ada-lah dari universiti itu dan sejak tertubah-nya sa-orang penuntut Brunei sentia-sa belajar di-situ.

Nilai pemberian hadiah itu, ia-lah berjumlah \$1,000,000.00 wang Brunei.

Penerangan mengenai chara2 mengurus akuarium

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Perikanan akan mengadakan lawatan ka-akuarium pada tiap2 minggu kedua hari Selasa jam 4.00 petang.

Kenyataan jabatan itu yang di-keluarkan baru2 ini berkata penerangan lawatan tersebut yang di-adakan dalam bahasa Inggeri oleh Pegawai Perikanan Negara ada-lah hanya bagi orang dewasa.

Orang2 yang ingin mengetahui akan chara2 mengurus akuarium dan alat perkakas teknikal-nya di-jemput menyertai lawatan itu yang akan di-adakan sa-lama kira2 dua jam.

Lawatan itu akan di-mulakan dengan keterangan2 mengurus akuarium di-mana satu tayangan filem akan di-adakan di-Bilek Kuliah. Lawatan itu kemudian-nya diteruskan mengenai bahagian2 Perkhidmatan Ayer Tawar dan Laut, Bilek Jentera, Bahagian Simpanan Ayer, Bilek Perseediaan dan Makmal. Lawatan itu di-akhiri dengan kunjungan ka-Bahagian Kuarantin dan Penyelidikan.



DR. Abdul Baki bin Abdullah, salah sa-orang di-antara 20 orang yang telah mendapat kebenaran untuk memancing di-kolam ikan di-Sungai Jambui di-katakan sa-bagai pemancing yang bernasib baik.

Pada hari Ahad, 19 Mach yang baru lalu, Dr. Baki telah memancing di-kolam itu hanya untuk bersuka2 sahaja dan sekali2 tidak memikirkan untuk mendapatkan ikan yang terbesar yang pernah di-dapati oleh pemancing2 kolam itu.

Tetapi Dr. Baki agak terpesan bila beliau di-katakan sa-bagai orang yang pertama yang telah berjaya memancing ikan jenis "grass-crap" yang berat-nya 10 pound dan panjang-nya 2 kaki 4 inchi.

Gambar atas menunjukkan Dr. Baki, sa-orang doktor persendirian di-Bandar Seri Begawan sambil tersenyum riang menunjukkan ikan yang di-perolehi-nya itu.



GAMBAR atas menunjukkan 12 dari 13 orang anggota Majlis Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan yang telah di-lantik oleh Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan baru2 ini.

Anggota2 majlis tersebut telah mengadakan sidang pertama-nya di-Dewan Meshuarat maktab tersebut dalam bulan lepas.

Pengenalan gambar dudok dari

kanan: Awang Haji Othman bin Bidin (Pengetua MPUSB), Awang Yahya bin Haji Ibrahim (Naib Pengerusi), Y.B. Pehin Orang Kaya Amar Diraja Dato Seri Utama (Dr.) Awang Haji Mohd. Jamil Al-Sufri, Y.B. Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Mohd. Zain (Pengerusi), Yang Di-Mulainkan Pehin Datu Seri Maharaja, Dato Seri Utama Awang Haji Ismail, Y.B. Awang Haji Abd. Aziz Umar dan Dayang

Jusnani binte Lawie.

Berdiri dari kanan: Awang Abd Saman bin Kahar, Awang Haji Aziz Juned, Awang Abd. Rahman bin Dato Setia Mohd. Taib, Awg. Abd. Razak bin Mohammad dan Awang Malai Ahmad Murad bin Syed Mashhor (Setia Usaha).

Anggota yang sa-orang lagi ialah Y.A.M. Pengiran Setia Jaya Pengiran Hj. Momin bin Pengiran Othman. — Gambar JHEU/BP.

Kerja2 pembenaan pelabohan di-Muara berjalan lancar

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kerja2 pembenaan pelabohan ayer dalam Brunei di-Muara maseh lagi berjalan, dan ada-lah di-jangkakan semua kerja2 pembenaan dermaga utama akan siap tidak lama lagi.

Demikian menurut Awang S.C. Matthews, jurutera resident bagi Sharikat Sir Bruce White, Wolf Barry dan Pakatan, jurutera-perunding yang mereka pelabohan tersebut, dan mengawasi kerja2 bagi pehak kerajaan.

Badan pemborong kerja2 mengorek dan menambak ialah Kumpolan Gammon dan Yau Wing, sementara Sharikat Daito Kogyo Berhad, pemborong bagi pembenaan dermaga dan bangunan2 di-pelabohan.

Awang Matthews berkata, hanya sa-bahagian kecil deck dermaga itu yang perlu di-siapkan, dan apa yang sebenar-nya sekarang dermaga itu, sudah pun boleh menerima kapal2 ia-itu di-bahagian yang dapat di-gunakan. Baru2 ini kapal

Diraja Britannia dan kapal HMS Cleopatra, telah berlaboh di-situ.

Kerja2 meratakan jalan dalam kawasan dermaga sudah pun siap.

Lain2 kemudahan yang akan di-siapkan ia-lah bangunan pentadbiran, sa-buah rumah setor berhawa dingin, sa-buah gudang barang2, kelinik perubatan, sa-buah stesen memerhati dan semboyan.

Tawaran bagi kerja2 tersebut telah pun di-buat dan juga bagi 48 unit perumahan bagi pekerja2 pelabohan. Kerja2 bagi kedua2 kontrek itu berjalan lancar.

Menurut Awang Matthews, kerja2 mengorek terusan jalan masuk sudah pun siap dan ia-nya sa-dalam 30 kaki. Kerja2 menambak batu2 mencapai 6,750 kaki jauh-nya ka-laut dan sa-jauh 1,500 kaki, di-bahagian Timur-nya telah siap. Kapal pengorek yang baru, di-jangka tiba di-Muara tidak lama lagi.

Chalun2 Penghulu bagi dua buah Mukim di-Temburong

TEMBURONG. — Penduduk2 Kampong Bokok di-Daerah Temburong telah memilih dua orang chalun bagi jawatan Penghulu Grade Dua untuk Mukim Bokok.

Pemilihan itu yang telah di-adakan di-Balai Raya Bokok pada minggu lalu dan telah di-pengerusikan oleh Pegawai Daerah Temburong, Awang Abdullah bin Haji Mohamed Jaafar.

Penghulu baru itu nanti akan menggantikan Penghulu Lagong anak Usah yang telah bersara.

Sementara itu penduduk2 Mukim Labu di-Daerah Temburong juga telah memilih Haji Tengah bin Awang Damit untuk di-chalunkan bagi memenuhi satu jawatan baru sa-bagai Penghulu Grade Dua untuk kawasan itu.

Pemilihan itu telah di-adakan di-Balai Raya Labu Estate pada 25hb. Mach lepas.

Tarikh menyertai perlawanan bola sepak di-lanjutkan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Persatuan Pemuda Pemuda Kampong Sungai Kedayan satakot ini telah menerima 14 pasokan untuk menyertai perlawanan bola sepak chara kalah mati antara persatuan2 belia, kebajikan dan kelab2 di-seluruh negeri.

Perlawanan itu di-adakan kali kedua, anjoran Persatuan tersebut ada-lah untuk merebut piala kornia Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengi-

ran Perdana Wazir Sahibol Himmah Wal Waqar Muda Mohamed Bolkiah.

Setia Usaha perlawanan itu, Awang Mohiddin bin Haji Mokti berkata, tiap sa-buah persatuan di-bolehkan mendarat dua pasokan yang mengandungi 16 orang pemain dalam satu pasokan, termasuk simpanan dengan di-kenakan bayaran sa-banyak \$15.00 tiap2 satu pasokan.

Pendaftaran memasoki-nya di-lanjutkan hingga 10hb.

April untuk memberikan peluang lebeh ramai lagi pasokan2 yang akan masuk bertanding.

Borang2 boleh di-dapati dari Awang Yassin bin Mohamed Said di-Jabatan Kebajikan Masharakat, Awang Sarbini bin Ahmad di-Jabatan Pelajaran, Awang Kadir bin Sheikh Haji Yahya di Pejabat Kastam Diraja dan Awang Mohiddin bin Haji Mokti di Pejabat Kaji-Bumi, Bandar Seri Begawan.

J/K Perayaan Maulud Nabi di-bentok

BANDAR SERI BEGAWAN.

— Sa-buah jawatankuasa perayaan Sambutan Maulud Nabi Mohammed s.a.w. bagi Daerah Brunei-Muara telah di-bentok baru2 ini dengan di-pengerusikan oleh Pengetua Pegawai Jabatan Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Mohamed Zain bin Haji Serudin.

Perayaan Sambutan Maulud Nabi pada tahun ini akan di-adakan sa-chara besar2an pada hari Rabu 26hb. April mulai pukul 7.00 pagi dengan satu perarakan mengelilingi Bandar Seri Begawan.

Perarakan itu ada-lah terbuka kepada persatuan2 belia dan kebajikan, kampong, jabatan2 kerajaan, sharikat2 perniagaan, sekolah2 rendah dan menengah dan maktab2 di-daerah ini.

Borang2 masuk untuk mengambil bahagian dalam perarakan itu sekarang boleh di-dapati dari Setia Usaha Jawatankuasa Perayaan Sambutan Maulud Nabi Mohammed s.a.w., Jabatan Hal Ehwal Ugama, Bandar Seri Begawan.

Borang2 itu mesti-lah di-kembalikan tidak lewat dari pukul 4.00 petang 17hb. April.

ADA-LAH menjadi undang2 alam bahawa segala sesuatu di-dunia ini sentiasa berubah2 ka-arrah kemajuan kesempurnaan. Bagitu-lah juga hal-nya dengan ugama2 yang di-turunkan Allah kepada umat2 manusia sejak Nabi Adam a.s. hingga-lah kepada Nabi Muhammad. Ugama2 yang di-turunkan Allah sebelum Nabi Muhammad s.a.w. hanya-lah terhad untuk kepentingan sa-suatu umat atau bangsa tertentu pada waktu yang tertentu sahaja. Dari sa-orang Nabi kepada sa-orang Nabi, dari sa-orang Rasul kepada sa-orang Rasul, ugama yang di-turunkan Allah itu semakin berkembang maju menuju kepada kesempurnaan-nya. Ugama Allah itu akhirnya telah mencapai matalamat kesempurnaan manakala Nabi Muhammad di-utus untuk mengakhiri kedatangan Nabi2 dan Rasul2.

Ugama Islam telah di-akui dan di-iktirab sa-bagai ugama yang sempurna untuk segala umat dan seluroh bangsa2 di-dunia dari zaman Nabi Muhammad sa-hingga hari kiamat. Sa-bagaimana firman Allah di-dalam Surah Al-Maedah ayat tiga yang bermaksud:

"Pada hari ini telah ku sempurnakan bagi kamu ugama kamu, dan ku chukupkan limpah nikmat ku ka-atas kamu dan telah ku redzai bagi kamu Islam bagi ugama kamu".

BERILMU TANPA BERIMAN BOLEH MENJAUHKAN SA-SEORANG DARI TUHAN



KHUTBAH JUMA'AT

**Untuk membuktikan
ke-Islaman kita,
kita perlu
mengamalkan
tiga asas:
iman, ilmu
dan amal**

Kita ada-lah umat Islam, umat Islam yang mengaku bahawa Islam itu-lah Ugama kita, maka untuk membuktikan ke-Islaman kita itu perlu-lah ada tiga asas yang mesti di-amalkan oleh kita:

Pertama — ia-lah iman; yang kedua — ia-lah ilmu dan yang ketiga — ia-lah amal. Ini-lah yang di-maksudkan oleh Allah Subhanahu-wataala di-dalam firman-nya di-dalam surah Al-Maedah ayat 35 yang bermaksud:

"Wahai orang2 yang beriman, takut-lah kamu kapada

Allah, chari-lah jalan untuk dekat kapada-nya dan berjuang - lah bersungguh2 kapada jalan Allah, mudah2-an kamu mendapat kemenangan".

Bila salah satu dari tiga asas ini di-chuaikan maka hilanglah keseimbangan hidup manusia dan terjadi-lah suatu kepinchangan rohani yang akhir-nya mengakibatkan kepinchangan dan kejahatan dalam berfikir, bertindak dan melakukan sa-suatu.

Umpama-nya berilmu sahaja dengan tidak beriman boleh membawa sa-seorang itu kapada jauh dari Tuhan, bahkan hingga membawa kapada tidak perchayakan Tuhan seperti gulungan Atheis dan gulungan kominis. Hal ini tidak-lah menghairankan kerana Rassulullah s.a.w. pernah mengatakan sa-bagaimana sabda baginda yang bermaksud:

"Barang siapa bertambah ilmu dalam diri-nya, tetapi bukan bertambah bimbingan dalam hati-nya, maka tiada-lah ia bertambah dekat kapada Tuhan, bahkan semakin jauh".

Beriman sahaja dengan tidak berilmu akibat-nya iman tidak kuat. Kerana keimanan itu tidak berdasarkan ilmu-yakin, 'ainul-yakin dan hakul-yakin. Dan jika iman lemah tidak-lah ia mempunyai pegangan yang kukuh, tidak sabar dan tidak tahan menderita. Akibat-nya ia tidak ada paduman dalam hidup dan tidak akan segan2 melakukan perbuatan2 keji dan jahat.

Beriman dan berilmu sahaja dengan tidak di-turuti dengan amal maka belum-lah manusia itu di-namakan manusia yang sempurna ia-itu satu tujuan terakhir dari Islam bagi membentok manusia sempurna. Betapa tidak kerana Islam bukan sahaja Islam yang sempurna, ugama ilmu dan ugama amal, tetapi ada-lah juga chara hidup manusia itu sendiri terharap Tuhan yang menjadikan diri-nya dan terhadap sa-sama manusia.

Oleh yang demikian maka amat-lah penting ketiga2 asas itu ada pada kita dan mestilah tidak di-chuaikan salah satu daripadanya jika benar2 kita mengaku sa-bagai orang Islam yang tulin dan orang Islam yang sa-jati.

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dari matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 5hb. April, 1972 hingga ka-hari Selasa 11hb. April, 1972 ada-lah seperti di-bawah ini:-

Hari	Bulan	Dzohor	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Suboh	Matahari Terbit
5hb. April	12-29	3-44	6-33	7-45	4-48	5-03	6-18	
6hb. April	12-28	3-43	6-32	7-44	4-46	5-00	6-16	
7hb. April	12-28	3-43	6-32	7-44	4-46	5-00	6-16	
8hb. April	12-28	3-43	6-32	7-44	4-46	5-00	6-16	
9hb. April	12-28	3-43	6-32	7-44	4-46	5-00	6-16	
10hb. April	12-28	3-43	6-32	7-44	4-46	5-00	6-16	
11hb. April	12-27	3-42	6-32	7-44	4-45	5-59	6-16	

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluroh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12-45 tengah hari.

"Pesta Pelajar" SMAHB, RIAD

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sekolah Menengah Arab Hassanah Bolkiah dan Raja Isteri Anak Damit akan mengadakan Pesta Pelajar pada 9hb. April, 1972.

Pada hari tersebut, istiadat penyampaian hadiah2 pelajaran akan di-langsungkan pada jam 9.00 pagi, dan temasha sukan tahunan akan di-adakan pada jam 2.00 petang.

Pada hari itu juga gerai2 jualan akan di-adakan di-kawasan Sekolah Menengah Arab Hassanah Bolkiah mulai jam 8.30 pagi hingga 6.00 petang.

Ibu bapa penuntut dan orang ramai ada-lah di-persilakan ber-kunjong ka-sekolah ini.

Peraduan membacha Quran dan sharahan

TEMBURONG. — Sa-ramai 16 orang penuntut, termasuk lapan orang perempuan dari Sekolah2 Ugama di-Daerah Temburong akan mengambil bahagian dalam peraduan membacha Qur'an dan sharahan pada hari Jumaat 7hb. April.

Peraduan tersebut akan di-adakan di-bangunan sementara Sekolah Melayu Sultan Hassan di-Pekan Bangar mulai jam 8.00 malam.

Peserta2 itu telah di-pilih dari Bahagian Temburong Satu dan Dua yang telah mengambil bahagian dalam peraduan membacha Qur'an dan sharahan yang di-adakan baru2 ini.

Peraduan yang di-anjorkan oleh Jabatan Hal Ehwal Ugama itu ia-lah untuk memilih wakil2 dari Daerah Temburong bagi peraduan akhir seluroh negeri yang akan di-adakan di-Bandar Seri Begawan

dalam bulan Julai.

Peraduan itu akan di-buka dengan rasmi-nya oleh Penguasa Pelajaran Ugama, Awang Yahya bin Haji Ibrahim, sementara hadiah2 akan di-sampaikan oleh Pegawai Daerah Temburong, Awang Abdullah bin Haji Mohammad Ja'afar.

Orang ramai ada-lah di-jemput untuk menyaksikan peraduan2 tersebut.

PERADUAN Menulis Cherita Tatara'ayat untuk bacaan Darjah IV, yang di-anjorkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka ini di-lancarkan pada awal bulan Mei 1971. Peraduan ini sa-patut-nya sudah di-tutup pada bulan September 1971 tetapi oleh beberapa sebab yang tertentu, terutama-nya untuk memberi peluang kepada beberapa orang peserta membetulkan naskah2 cherita mereka, tarikh penutup itu terpaksa ditunda sa-hingga bulan Oktober 1971. Di-tinjau dari sudut bahawa peraduan yang saperti ini ada-lah julong2 kali di-adakan di-negeri kita, sambutan dari golongan penulis tanah ayer ada-lah menggalakkan Penulisan tatar'ayat atau *civic* berbedza daripada penulisan novel atau cherpen kerana tatar'ayat ada-lah tergolong ka-dalam salah satu cabang sains politik. Kesanggupan penulis2 tanah ayer, yang umur mereka purata maseh dalam lingkungan remaja, untuk menjinakkan diri dengan cabang ilmu yang penting dalam kehidupan bermasyarakat ini merupakan suatu pertanda sehat ka-arrah penglibatan-diri mereka dalam kenchah *nation-building*. Samoga pertanda kesedaran yang sehat ini di-perlipat-ganda dan pelbagaikan ka-chabang2 kegiatan penulisan yang lebeh besar saperti penulisan buku2 teks sejarah, ilmu alam, sains kimia, fisik, kajihayat dan sa-bagai-nya.

Peraduan ini telah di-hakimkan oleh sa-buah Jama'ah Hakim yang terdiri daripada Awang Badaruddin Haji Osman, Awang Maksin Haji Kadir dan Awang Mohd. Ali Majod. Penghakiman mereka tertumpu kepada tiga sudut: Isi, Bahasa dan Penyampaian. Sebelum keputusan muktamad penghakiman di-umumkan kepada orang-ramai, ketiga hakim ini telah bertemu dalam Meshuarat Penyelaras untuk menyelaraskan markah2 yang mereka berikan kepada sa-tiap cherita. Tujuan Meshuarat Penyelaras ia-lah untuk memastikan yang sa-tiap markah yang di-perolehi oleh sa-tiap cherita itu ada-lah patut, adil dan saksama.

Bagi keseluruhan naskah cherita yang di-hakimkan, Jama'ah Hakim telah membuat komen saperti berikut:

ISI

Naskah2 cherita yang di-hakimkan purata ada-lah mematuhi kehendak2 Sharat dan Peratoran Peraduan. Oleh yang demikian terdapat keseragaman isi antara sa-buah cherita dengan cherita yang lain. Walau bagaimana pun, yang membedzakan sa-buah cherita dengan sa-buah cherita yang lain ia-lah kecekapan serta kematangan sa-orang penulis membanchoh isi cherita-nya menjadi sa-buah cherita yang menarik dan berkesan.

SA-PATAH KATA

— Dari Pengerusi

Peraduan Menulis

Cherita Tatara'ayat,

Awg. Mahmud bin Hj. Bakir

Di-sini-lah tumpuan para hakim memberi markah yang tinggi kepada sa-buah cherita dan markah yang rendah kepada cherita yang lain.

BAHASA

Ketiga hakim sa-pendapat bahawa penguasaan bahasa penulis2 dalam peraduan ini belum-lah begitu kukuh. Mereka menemui banyak kesalahan tatabahasa. Sa-lain dari itu, mereka juga menemui penggunaan bahasa yang tidak sesuai untuk bacaan murid2 Darjah IV saperti yang ditekankan dalam Sharat dan Peratoran Peraduan.

PENYAMPAIAN

Kejayaan sudut penyampaian ada-lah gabungan antara olahan ISI sa-chara berkesan

di-katakan "baik" dalam arti-kata cherita2 tersebut terlepas dari banyak kelemahan besar saperti yang di-sebutkan tadi.

Komen2 yang berharga dari Jama'ah Hakim ini dapat-lah di-jadikan iktibar dalam kita meniti alor penulisan di-hari muka, dan tentu-nya komen2 tersebut akan dapat di-terima oleh penulis2 yang bersangkutan dengan dada lapang dan penoh toleransi. Kapada penulis2 yang berjaya kami ucapkan tahniah dan harapan luhur dari kami jangan-lah hendaknya kejayaan ini di-jadikan saperti kata Iqbal, "....bagai nyanyian ombak/hanya berbunyi/ketika terhempas di-pantai...." tetapi ".....jadi-lah kamu ayer bah/mengubah dunia dengan amalan-mu." Dan kapada pe-

suatu benda — itu-lah yang paling nikmat." Itu-lah nasihat Sologdin dalam *The First Circle*, suatu nasihat tentang kesukaran yang bagi mereka yang rapoh hati sering membuahkan kegagalan tetapi kegagalan mempunyai hikmatnya yang tersendiri. Kegagalan dapat mempertajam introspektif diri: menyelam kadasar hati dan bertanya, "Dimana dan apa kelemahanku?"

Zaman penulis iseng-iseng sudah menjadi suatu al-kesah, dan sekarang sa-tiap penulis ada-lah manusia yang bertanggung-jawab. Tetapi ia tidak akan dapat memahami konsep "tanggung-jawab" yang abstract ini kalau ia bukan manusia atau raayat yang terdidek. Dalam konsep pendidikan tatar'ayat, raayat yang terdidek atau *educated citizen* memiliki sifat2 saperti berikut:

1. Sensitif terhadap ketidak-saimbangan nasib manusia;
2. Bertindak untuk membetulkan keadaan2 yang tidak memuaskan;
3. Berusaha untuk memahami struktur dan proses sosial;
4. Dapat menangkis terhadap sa-suatu yang bersifat propaganda;
5. Menghormati perbedzaan2 pendapat yang jujur;
6. Mengambil perhatian terhadap sumber2 negara;
7. Mengukur kemajuan sains dari sumbangan-nya terhadap kebajikan sosial;
8. Menghormati undang2;
9. Tidak buta dari sudut ekonomi;
10. Memikul tugas2 kemasharakatan yang di-bebankan kapada-nya.

Itu-lah di-antara sifat2 yang sa-mesti-nya di-miliki oleh sa-orang manusia atau raayat yang terdidek dari sudut kacamata pendidikan tatar'ayat. Tentu-nya keperluan dan keadaan sa-buah negara tidak sama dengan keperluan dan keadaan negara yang lain — lain padang lain belakang-nya. Sebab itu-lah dalam Peraduan Menulis Cherita Tata-

(Lihat Muka 5)



Pengarah DBP, Y.B. Pehin Orang Kaya Amar Diraja Dato Seri Utama (Dr.) Awg. Hj. Mohd. Jamil Al-Sufri (di-tengah2) bergambar dengan pemenang2 peraduan (barisan belakang), Jama'ah2 Hakim serta Jawatankuasa Peraduan Mengarang Cherita Tatara'ayat. — Gambar ihsan Dewan Bahasa dan Pustaka.

serta penguasaan BAHASA yang baik dan lancar. Oleh kerana masing2 cherita chuba mematuhi kehendak2 Sharat dan peratoran peraduan saperti tema, rangka, pechahan dan jalinan cherita, maka terdapatlah, menurut sa-orang hakim, kekakuan dalam menyampaikan message atau perutusan cherita. Para hakim juga menemui banyak fakta yang salah saperti "azan" di-katakan lagu kebangsaan Islam dan sa-bagai-nya. Sa-kali lagi kemangkatan penulis ada-lah amat di-perlukan dalam hal ini.

KESIMPULAN

Cherita2 yang berjaya dalam peraduan ini purata boleh-lah

nulis2 yang kurang bernasib baik, kegagalan bukan-lah jalan tak berujung. Penulis adalah pengembara, mata dan hati masharakat-nya. Ikuti-lah nasihat Sologdin, sa-orang watak dalam novel *The First Circle* oleh Alexander Solzhenitayn, apabila ia berkata: "Dalam menjelajah daerah baru, kesukaran mesti-lah di-sifatkan sabagai harta terpendam. Pada umum-nya, lebeh hebat kesukaran, lebeh bernilai harta terpendam itu. Nilai-nya tidaklah seberapa kalau kesukaran itu datang dari pergolakan dalam diri. Tetapi kalau kesukaran itu datang dari pertentangan yang sengit dari sa-

SA-PATAH KATA DARI PENERUSI PERADUAN

(Dari Muka 4)

ra'ayat ini kami masukkan sebagai syarat sifat "Identiti Ke-Bruneian Yang Positif", suatu sifat yang kami rasa perlu ditamamkan ka - dalam jiwa kanak-kanak Brunei. Dalam pendidekan sosio-budaya kita telah lama berhanyut mengikut ka-mana saja tiupan angin — malah ada pula sambil berhanyut itu terus tidor dengan nyanyak-nya. Keadaan yang saperti ini lambat laun akan membuahkan — sekarang pun sudah nampak bunga2-nya — golongan manusia yang kontra kebudayaan-nya sendiri, suatu parasit dalam pembinaan sosio-

budaya. Kealpaan masa-lampau ini tidak kita kehendaki berulang, dan untuk masa-depan yang cerah, kita menaruh tabongan atau *investment* pada batang tuboh kanak-kanak dewasa ini kerana mereka adalah orang tua esok hari. Tugas ini maha berat dan jika kita gagal memikul-nya, maka pastilah berlaku ramalan Iqbal:

Gagal memahami ini

Kami pasti hancur

malah riwayat-mu pun tidak kekal tinggal dalam sejarah dunia.....

Pehak Dewan Bahasa dan

Pustaka akan memikul tanggung-jawab-nya dan dengan bantuan erat masharakat penulis tanah ayer, ramalan Iqbal itu tidak akan berlaku di-negara kita Brunei Darus-salam.

Akhir-nya bagi pehak Jawatan-kuasa Peraduan dan pehak penganjor-nya ia-itu Dewan Bahasa dan Pustaka, saya menguchapkan jutaan terima kasih kepada semua peserta, Jama'ah Hakim dan siapa saja yang terlibat dalam peraduan ini dan majlis kita pada pagi ini. Sejarah tidak akan tutup mata terhadap kerja2 yang berkebaikan.



Awang Abu Bakar bin Osman, pemenang pertama menerima hadiah dari Pengarah DBP. — Gambar ihsan Dewan Bahasa dan Pustaka.

KENYATAAN2. PEGAWAI PENGUASA WARITH NEGERI BRUNEI

SURAT KUASA PESAKA No. 4/1972.

Bahawa permohonan kepada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Dayang Niah bte. Momin, d/a B. 3537 Kurus bin Hj. Misir, Pencharagam AMDB, Berakas Kem, Brunei kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang di-punyai oleh Momin bin Jambol yang telah meninggal dunia di-dalam Tutong dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak kepada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Tutong pada 13 haribulan April, 1972, pada jam pukul 10.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadir dan menyaksikan perbicharaan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Tutong sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 30 haribulan Mach, 1972.

SURAT KUASA PESAKA No. 5/1972.

Bahawa permohonan kepada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Dayang Panjang bte. Sidup, d/a Kampong Menengah, Tutong kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang di-punyai oleh Burut bin Hj. Duraman @ Hj. Raman yang telah meninggal dunia di-dalam Tutong dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah balu kepada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Tutong pada 13 haribulan April, 1972, pada jam pukul 10.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadir dan menyaksikan perbicharaan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Tutong sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 30 haribulan Mach, 1972.

SURAT KUASA PESAKA

No. 6/1972.

Bahawa permohonan kepada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Idris bin Buang, d/a Kampong Penapar, Tutong kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang di-punyai oleh Buang

bin Jungkit yang telah meninggal dunia di-dalam Tutong dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak kepada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Tutong pada 13 haribulan April, 1972, pada jam pukul 10.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadir dan menyaksikan perbicharaan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Tutong sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 30 haribulan Mach, 1972.

SURAT KUASA PESAKA No. 8/1972.

Bahawa permohonan kepada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Haji Abd. Wahab bin Mohammad, d/a Kampong Keriam, Tutong kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang di-punyai oleh Dayang Katijah bte. Sulaiman yang telah meninggal dunia di-dalam Tutong dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak kepada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Tutong pada 13 haribulan April, 1972, pada jam pukul 10.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadir dan menyaksikan perbicharaan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Tutong sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 30 haribulan Mach, 1972.

SURAT KUASA PESAKA No. 9/1972.

Bahawa permohonan kepada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Othman bin Haji Ghazali, d/a Kampong Panchor Papan, Tutong kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang di-punyai oleh Haji Ghazali bin Umar yang telah meninggal dunia di-dalam Tutong dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak kepada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Tutong pada 13 haribulan April, 1972, pada jam pukul 10.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam

harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadir dan menyaksikan perbicharaan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Tutong sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 30 haribulan Mach, 1972.

SURAT KUASA PESAKA No. 10/1972.

Bahawa permohonan kepada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Baju bin Limpar, d/a Kampong Bukit Udal, Tutong kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang di-punyai oleh Salimpar bin Siambang @ Limpar yang telah meninggal dunia di-dalam Tutong dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak kepada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Tutong pada 13 haribulan April, 1972, pada jam pukul 10.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadir dan menyaksikan perbicharaan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Tutong sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 30 haribulan Mach, 1972.

SURAT KUASA PESAKA No. 11/1972.

Bahawa permohonan kepada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Awang Tahir bin Penyurat Pali, d/a Kampong Penapar, Tutong kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang di-punyai oleh Siti Hawa bte. Ahmad @ Siti Hawa bte. Md. Lipoh yang telah meninggal dunia di-dalam Tutong dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah balu kepada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Tutong pada 13 haribulan April, 1972, pada jam pukul 10.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadir dan menyaksikan perbicharaan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Pe-

ngusa Warith, Tutong sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 30 haribulan Mach, 1972.

SURAT KUASA PESAKA No. 12/1972.

Bahawa permohonan kepada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Jumat bin Mohd. Salleh, d/a Kampong Penanjong, Tutong kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang di-punyai oleh Mohd. Salleh bin Jalil @ Mat Sallih @ Salleh yang telah meninggal dunia di-dalam Tutong dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak kepada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Tutong pada 13 haribulan April, 1972, pada jam pukul 10.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadir dan menyaksikan perbicharaan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Tutong sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 30 haribulan Mach, ngusa Warith, Tutong sa-belum 1972.

IN THE COURT OF THE PROBATE OFFICER, ADMINISTRATION SUIT

No. 7 of 1972.

Application to this Court having been made by Wong Man Sang of Kedai Hup Cheong, Tutong of Brunei for Letters of Administration to the estate and effects of Wong Luke late of Tutong, Brunei deceased, on the ground that Wong Man Sang is lawful of the deceased.

Notice is hereby given that application will be heard in the Court-house at Tutong on the 13th day of April, 1972, at 10.00 a.m.

All persons claiming to have any interest in the estate of the deceased are hereby required to come and see the proceeding at the time and place above mentioned.

Any person wishing to object to the application may lodge a caveat with the Court of the Probate Officer, Tutong before the above date.

Dated this 30th day of April, 1972.

CHARLIE FOO CHEE TUNG,
Pegawai Penguasa Warith.
Negeri Brunei.

JAWATAN-JAWATAN KOSONG

SA-BAGAI PEGAWAI PERUBATAN

Pemohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalun2 yang berkelayaan bagi jawatan Pegawai Perubatan di-Jabatan Perubatan dan Kesihatan, Brunei.

Kelayakan2:

Sa-orang yang mempunyai ijazah, diploma atau lesen yang diiktiraf sa-bagai membolehkan ia di-daftarkan dengan General Council of Medical Education and Registration di-United Kingdom. Pertimbangan istimewa akan di-berikan kepada pemohon2 yang mempunyai pengalaman dalam jurusan2 khas saperti ophthalmology atau pun, bagi chalun2 perempuan,

puan, dalam jurusan obstetrics dan gynaecology.

Tugas2:

Untuk menjalankan tugas perubatan 'am dalam semua bahagian sa-bagaimana yang di-arahkan oleh Pengarah Perkhidmatan2 Perubatan.

Gaji:

Dalam sukatan gaji B 2 EB 3 — \$1090x40-1300x60-1360x40-1520x60-1580x40-1740 / EB / 1810x50-1960. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman yang telah di-perolehi. Elaun pujukan, kalau di-bayar, ada-lah sa-bagai tambahan kepada gaji.

Baksis:

Baksis sa-banyak 12½ daripada gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan genap berkhidmat. Baksis tidak akan di-bayar apabila berhenti atau di-buang kerja.

Sharat2 Lantekan:

Chalun2 yang berjaya yang bukan raayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantek sa-chara berkontrek sa-lama 3 tahun termasuk masa perchubaaan sa-lama 6 bulan. Kontrek boleh di-baharui dengan persetujuan bersama. Bagi chalun2 yang berjaya yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantek ka-jawatan tetap sa-lepas satu tempoh perchubaaan.

Chukai Pendapatan:

Pada masa ini tidak ada Chukai Pendapatan di-kenakan di-Brunei. Butir2 mengenai sharat2 perkhidmatan boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei.

Pemohonan2 yang mesti di-penohka di-atas borang2 yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 serta dua keping gambar (sa-besar separoh postkad) kapada-nya tidak lewat daripada 20hb. April, 1972.

Di-Jabatan Talikom

Pemohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalun2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untuk di-lantek sa-bagai Pelateh Teknik di-Jabatan Talikom, Brunei.

Kelayakan2:

- Pemohon2 mesti-lah berumur antara 16 dan 19 tahun.
- Mesti-lah lulus Peperiksaan Cambridge School Certificate dengan mendapat kepujian dalam Ilmu Hisab, Fisik dan Bahasa Inggeris atau pun lulus Peperiksaan G.C.E. Peringkat Biasa dalam Ilmu Hisab, Fisik dan Bahasa Inggeris.

Gaji:

Gaji permulaan sa-banyak \$290/- sa-bulan dalam sukatan gaji E 2-3 — (\$290 - 350).

Chalun2 yang berjaya akan di-beri lantekan sa-lama dua tahun dalam kejuruteraan talikom di-Brunei da nseberang laut. Sa-sudah berjaya menamatkan lantekan ini chalun2 akan di-naikkan pangkat sa-bagai Pembantu Teknik dalam sukatan gaji D 3 EB 4 — \$410x20-510/EB/540x20-660 dengan gaji permulaan \$490.00 sa-bulan. Chalun2 yang tidak berjaya menamat-

Sa-bagai Guru

Pemohonan2 ada-lah di-pelawa daripada guru2 terlateh untuk memenohi jawatan2 di-Jabatan Pelajaran, Brunei. Pemohon2 yang terpilih akan di-temuduga di-Singapura, Malaysia atau Brunei. **BAGI SEKOLAH2 MENENGAH ALIRAN MELAYU:** Guru2 ba-gai mata-pelajaran yang berikut sahaja:-

- Sains b) Ilmu Hisab c) Domestik Sains d) Bahasa Inggeris dan e) Lukisan Perusahaan.

BAGI SEKOLAH2 MENENGAH ALIRAN INGGERIS:

Beberapa kekosongan bagi guru2 untuk mengajar mata2-pelajaran sekolah menengah, termasuk-lah lukisan perusahaan dan domestik sains.

Pemohon2 yang berjaya akan di-tempatkan dalam salah satu daripada sukatan gaji yang berikut; gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman:-

- Guru2 terlateh tanpa ijazah: T. 7 — \$470x20-510x30-540x20 — 660x30-690x20-710x30-890.
- Guru2 Terlateh berijazah (Ijazah 'Am): T. 8 — \$620x20-660x30-690x20 — 710x30-950x50-1000x30-1060.
- Guru2 Terlateh berijazah (Ijazah Honours): T. 9 — \$740x30-950x50-1000x30-1120x40-1160x30-1280.
- Pegawai Pelajaran — Ijazah Honours serta mempunyai kelayakan professional post-graduate. B 2 EB 3 — \$1090x50-1140x40 — 1300x60-1360x40-1520x60-1580x40-1740 / EB/1810x50-1960.

TEMPOH PERKHIDMATAN:

Kontrek sa-lama tiga tahun. Pembaharuan kontrek ada-lah dengan persetujuan bersama.

BAKSIS:

Bakis sa-banyak 12½% daripada gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan genap berkhidmat. Baksis tidak

akan di-bayar apabila berhenti atau di-buang kerja.

Butir2 mengenai sharat2 perkhidmatan boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei.

Pemohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 dan sijil2 kapada-nya tidak lewat daripada 22hb. April, 1972.

Di-Pejabat Daerah Temburong

Pemohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalun2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untuk memenohi jawatan2 kosong di-Pejabat Daerah, Temburong. Hanya orang2 yang tinggal di-Daerah Temburong dan mempunyai pengetahuan tentang daerah ini di-khendaki memohon.

1. PENGAWAS KECCHIL (2 jawatan)

Kelayakan2 dan Pengalaman:

- Pemohon2 mesti-lah boleh menulis dan membaca dalam bahasa Melayu atau lulus Darjah IV Sekolah Melayu atau yang sebanding dengan-nya.
- Mempunyai pengalaman menjaga dan mengawas buroh2.
- Berkhidmat dengan Kerajaan sekurang2-nya sa-lama 3 tahun.

Gaji:

Dalam sukatan gaji E 1-2 EB 3 — \$220x10-290/EB/300x10-350.

2. PENJAGA: (1 jawatan)

Kelayakan2:

Pemohon2 mesti-lah berumur di-antara 30 dan 45 tahun dan boleh menulis dan membaca.

Tugas2:

Pemohon2 yang berjaya hendak-lah bersedia bertugas di-waktu malam.

Gaji:

Dalam sukatan gaji F. 1 — \$180x5-195.

3. TUKANG KEBUN: (2 jawatan)

Pemohon2 mesti-lah berumur di-antara 18 dan 30 tahun.

Gaji:

Dalam sukatan gaji F. 1 — \$180x5-195/EB/200x5-215.

Pemohonan2 hendak-lah di-hantar melalui Ketua2 Jabatan masing2 siapa di-kehendaki menghantarkan laporan2 sulit mengenai pemohon2 bersama2 dengan satu Chatetan Perkhidmatan yang lengkap.

Pemohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei, dan hendak-lah di-kembalikan kapada-nya tidak lewat daripada 8hb. April, 1972.

Sa-bagai Guru Ugama Pelateh

lajaran.

Pemohon2 yang berjaya mesti-lah sedla untuk bertugas di-mana2 sekolah di-dalam negeri.

Baji:

\$200.00 sa-bulan.

Pemohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei, dan hendak-lah di-kembalikan kapada-nya tidak lewat daripada 8hb. April, 1972.

Sa-bagai Jururawat Gigi Perchubaaan

Pemohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalun2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untuk di-lantek sa-bagai Jururawat2 Gigi Perchubaaan di-Jabatan Perubatan dan Kesihatan, Brunei.

Kelayakan:

Pemohon2 mesti-lah telah mencapai umur 17 tahun tetapi tidak lebih dari 28 tahun dan mereka mesti-lah bujang. Mereka mesti-lah lulus Sijil Rendah Pelajaran (L.C.E.) atau kelulusan yang sa-banding dengan-nya. Keutamaan akan di-beri kapada mereka yang lulus peperiksaan Sijil Persekolahan Seberang Laut.

Gaji:

Jururawat2 Gigi Perchubaaan — D 1-2 — \$230x10-290x15-380.

Jururawat2 Gigi Terlateh — D 3 — \$410x20-510.

Tempoh Perchubaaan:

- Chalun2 yang terpilih akan di-lantek dalam perchubaaan sa-lama 3 tahun 4 bulan sa-bagai jururawat2 gigi pelajar dan di-kehendaki menjalani lantekan di-Sekolah Pergigian Persekutuan, Pulau Pinang atau lain2 pusat lantekan yang tertentu. Lantekan di-Pulau Pinang, Malaysia, ini akan mengambil masa sa-lama 2 tahun 4 bulan.
- Sa-telah menamatkan lantekan di-Pulau Pinang, atau di-mana2 tempat lantekan, Jururawat2 Gigi Perchubaaan akan di-kehendaki bertugas di-Klinik2 Pergigian Brunei di-bawah pengawasan Pegawai Pergigian sa-lama satu tahun.

Tugas:

Jururawat2 Gigi Perchubaaan akan di-tempatkan di-Klinik2 Gigi di-sekolah2 di-seluruh negeri. Pakaian seragam akan di-beri per-chuma.

Elaun:

Sa-masa menjalani lantekan di-Pulau Pinang, Malaysia, atau di-mana2 tempat lantekan, elau sara hidup sa-banyak \$5/- sa-hari dan elau kenderaan sa-banyak \$30/- sa-bulan serta sewa penoh tempat tinggal yang di-persetujui akan di-bayar.

Pemohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan kapada-nya, tidak lewat daripada 13hb. April, 1972.

Kawalan biologi bagi mengatasi kerosakkan ka-atas pokok2 kacang

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Pertanian buat pertama kali-nya telah melancarkan kawalan biologi bagi mengatasi kerosakkan yang di-lakukan oleh serangga2 pokok kacang dalam negeri ini.

Pakar kaji serangga, Awang D.J. MaCrae ketika menyatakan perkara ini berkata projek tersebut di-mulakan apabila sa-jenis parasit serangga kacang di-lepaskan dalam bulan Ogos tahun lalu.

Awang MaCrae telah menyatakan keyakinan-nya terhadap kejayaan projek itu.

Bagaimana pun beliau berkata sa-takat mana projek itu telah berjaya bergantung kepada penyediaan2 yang akan di-jalankan tidak lama lagi.

Ada-lah di-harapkan bahawa parasit itu telah membiak supaya ia boleh memusnah-

kan serangga2 kacang dan dengan ini akan mengurangkan kerosakkan ka-atas pokok2 kacang yang di-lakukan oleh serangga2 itu.

Awang MaCrae juga menyatakan bahawa jabatan itu mungkin melancarkan banyak lagi kawalan biologi terhadap lain2 serangga seperti common weed atau Eupatorium dan sa-jenis kumbang sayor2an.

Pakar kaji serangga itu berkata Brunei bernasib baik ia berhampiran dengan Sabah di-mana terdapat sa-buah stesen luar Bureau Kawalan Biologi Commonwealth.

Beliau berkata dari ibu pejabat persatuan ini maklumat2 boleh di-dapati mengenai kemungkinan mengadakan kawalan biologi terhadap setengah2 serangga di-Brunei.

Awang MaCrae berkata jabatan itu akan berusaha dalam segala lapangan kawalan biologi bagi mengurangkan belanja menggunakan ubat2 pembunuh serangga.



Latehan Perguruan Kursus (A) 1972-1974

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada orang2 yang belum berkahwin dan telah di-lahirkan dalam Negeri Brunei, yang mempunyai Sijil Persekolahan Cambridge, Sijil Pelajaran Malaysia atau Sijil 'Am Pelajaran dengan mendapat kelulusan dalam 4 mata-pelajaran pada peringkat 'O' bagi mengikuti kursus perguruan sa-lama tiga tahun di-Maktab Perguruan Sultan Hassanah Bolkiah, Brunei.

Sa-masa dalam latehan semua pemohon2 yang di-terima masuk akan menerima aloun seperti di-bawah:

Bagi tahun pertama dan kedua — \$210/- sa-bulan.

Bagi tahun ketiga — \$225/- sa-bulan.

Semua guru dalam latehan akan di-beri tempat tinggal di-asrama termasuk makan dalam penggal persekolahan.

Sa-belum di-terima masuk, pemohon2 yang di-pilih akan di-temuduga serta juga di-periksa oleh doktor.

Pemohon2 yang di-terima masuk akan di-kehendaki menanda tangani satu perjanjian dengan kerajaan Brunei memenuhi syarat2 di-bawah:

(a) Mereka tidak akan berkahwin sa-masa dalam latehan;

(b) Mereka atau penjamin2 mereka akan di-kehendaki membayar bales dengan sa-penohannya kepada kerajaan Brunei jika mereka berhenti sa-masa dalam latehan;

(c) Mereka sanggup berkhidmat dengan Jabatan Pelajaran, Brunei sa-lama sa-kurang2nya lima tahun sa-lepas tamat latehan.

Semua penuntut yang berjaya dalam latehan tiga tahun ini akan di-masukkan ka-dalam tingkatan gaji yang sama dengan guru2 lain yang mempunyai kelulusan yang sa-jajar.

Pemohonan2 hendak-lah di-buat dalam borang2 yang sah yang boleh di-dapati daripada Pengetua, Maktab Perguruan Sultan Hassanah Bolkiah (Gadong), Peti Surat No. 391, Bandar Seri Begawan, Brunei. Borang2 yang telah di-isi hendak-lah di-kembalikan kepada Pengetua tidak lewat daripada 16hb. April, 1972.

JAWATAN2 KOSONG:

SA-BAGAI PEGAWAI PELAWAT KESIHATAN SEKOLAH2

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang berkelayakan bagi jawatan Pegawai Pelawat Kesihatan Sekolah2 di-Jabatan Perubatan dan Kesihatan, Brunei.

Kelayakan2:

Pemohon2 mesti-lah mempunyai kelulusan perubatan yang boleh di-terima untuk di-daftarkan dengan General Medical Council of the United Kingdom, dan hendak-lah berumur di-bawah 45 tahun. Pemohon2 mesti-lah mempunyai pengalaman dalam kerja2 kesihatan di-sekolah2. Hanya pemohon2 yang mempunyai pengalaman tersebut sahaja akan di-pertimbangkan untuk di-lantek.

Mempunyai Diploma Kesihatan Awam atau pengalaman dalam kerja kesihatan Awam merupakan suatu kelebihan.

Tugas2:

Menjalankan tugas2 Pegawai Pelawat Kesihatan Sekolah2 di-bawah arahan Pegawai Perubatan Kesihatan serta bekerjasama dengan Pegawai Perubatan Sekolah yang menjaga sekolah2.

Menjalankan tugas2 Kesihatan Awam/Perubatan jika perlu apabila di-arahkan oleh Pengarah Perkhidmatan Perubatan.

Gaji:

Dalam sukatan gaji B 2 EB 3 — \$1090x50-1140x40-1300x60-1360x40-1520 x 60-1580 x 40-1740/EB/1810x50-1960. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

Baksis:

Baksis sa-banyak 12½% daripada gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan genap berkhidmat. Baksis tidak akan di-bayar apabila berhenti atau di-buang kerja.

Tempoh Perkhidmatan:

Chalon yang berjaya yang bukan raayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantek sa-chara berkontrek sa-lama 3 tahun termasuk masa perkhidmatan sa-lama 6 bulan. Kontrek boleh di-baharui dengan persetujuan bersama. Bagi chalon yang berjaya yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantek ka-jawatan tetap sa-lepas satu tempoh perkhidmatan.

Chukai Pendapatan:

Pada masa ini tidak ada Chukai Pendapatan di-kenakan di-Brunei.

Butir2 mengenai syarat2 perkhidmatan boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei.

Permohonan2 yang mesti di-

penohkan di-atas borang2 yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 kapada-nya tidak lewat daripada 15hb. April, 1972.

Sa-bagai Jururawat Perchubaaan

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari rayaat D.Y.M.M. Sultan bagi dilantek sa-bagai Jururawat Perchubaaan di-Jabatan Perubatan dan Kesihatan, Bandar Seri Begawan, Brunei.

Kelayakan2:

Pemohon2 mesti-lah mencapai umur 18 tahun. Mereka mesti-lah lulus Form III Inggeris atau yang sebanding dengan-nya.

Keutamaan akan di-beri kepada pemohon2 yang mempunyai sijil yang menunjukkan salah satu mata pelajaran-nya ia lulus dalam bahasa Melayu, atau sekurang2-nya boleh bertutur dalam bahasa Melayu dengan cekap.

Sukatan Gaji:

Dalam Perchubaaan: D. 1-2 — \$230x10-280x15-380. Gaji permulaan bergantung kepada kelulusan persekolahan.

Jururawat Terlateh: D. 3 — \$410x20-510.

Sharat2 Lantekan:

(a) Pemohon2 yang terpilih akan menjalani latihan bagi mendapatkan Sijil Jururawat Terlateh di-Rumah Sakit Besar, Bandar Seri Begawan. Lazimnya latehan ini memakan masa sa-lama 3 tahun 4 bulan. Sa-telah memperoleh Sijil Jururawat Terlateh, pemohon2 ada-lah berhak di-tetapkan sa-bagai Jururawat Terlateh di-Jabatan Perubatan dan Kesihatan Kerajaan Brunei.

(b) Pakaian seragam ada-lah di-beri perkhidmatan dan tempat tinggal akan di-adakan. Jururawat2 Perchubaaan akan menerima aloun dhobi dan aloun makan.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan kapada-nya tidak lewat daripada 15hb. April, 1972.

AWANG Yeo Meng Whatt dan pasangannya Puan Nicole Van Dam bergambar dengan perisai kemenangan mereka dalam perlumbaan go-kart khas berpasokan yang di-adakan di-Gelanggang Sukan Seria pada bulan lepas.

Perlumbaan tersebut di-anjarkan oleh Kelab Motor Diraja sa-bagai memperingati lawatan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Queen ka-Brunei.

Perlumbaan go-kart Antarabangsa yang kelima dalam bulan Julai

BANDAR SERI BEGAWAN. — Perlumbaan Go-Kart Grand Prix Antarabangsa ada-lah salah satu kemuncak perayaan sambutan hari puja usia Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara bagi tahun ini.

Perlumbaan itu, bagi kali yang kelima di-anjarkan oleh Kelab Moto Diraja Negeri Brunei akan di-adakan dalam bulan Julai depan.

Tarikh dan tempat perlumbaan itu di-adakan akan di-umumkan nanti.

Yang Di-Pertua Kelab itu, Awang Chris Lammers berkata, kelab itu berharap akan mengadakan perlumbaan go-kart itu lebeh meriah dan besar lagi daripada yang sudah2.

Awang Lammers berkata, kelab itu memerlukan derma wang untuk di-tawarkan sa-bagai hadiah2 yang berharga bagi menarek pemandu2 go-kart yang handal dari seberang laut.

Bagi tujuan ini satu kempen mengutip derma telah pun di-lancarkan.

Awang Lammers merayu kapada ahli2 kelab dan orang ramai, supaya menyokong serta memberi sumbangan mereka seperti yang telah mereka lakukan pada tahun2 yang sudah.



Pemenang2 peraduan Menulis Cherita Tataaraayat anjoran DBP Brunei bergambar dengan Pengarah DBP. Awang Abu Bakar bin Osman (kanan) — pemenang pertama; Dayang Norsiah binte Abdul Gapar — pemenang kedua dan Awang Ahmad Arshad — pemenang kedua ketiga. — Gambar ihsan DBP.

Kursus sa-tahun di-Universiti Malaya

BANDAR SERI BEGAWAN. — Guru2 Melayu raayat D.Y.M.M. Sultan Brunei yang sedang berkhidmat di-Jabatan Pelajaran, Brunei dan telah mempunyai pengalaman mengajar sekurang2-nya 3 tahun sa-lepas berjaya mengakhiri kursus di-mana2 Maktab Perguruan yang di-akui ada-lah di-pelawa membuat permohonan untuk mengikuti kursus sa-tahun Bahasa Melayu di-Universiti Malaya.

Pemohon yang mempunyai pengetahuan sekurang-nya dalam Sijil Pelajaran Malaysia ada-lah di-beri keutamaan, peluang ini akan di-beri juga kepada Guru2 Bahasa Melayu dan Sastera yang sedang berkhidmat di-Maktab/Sekolah aliran Inggeris.

Pemohon2 hendak-lah mengisikan borang yang boleh di-dapati daripada Nadzir2, Pengetua2 Sekolah2 pusat dan hendak-lah sampai kepada Pengetua/Guru Besar tidak lewat daripada 10hb. April, dan hendak-lah sampai kepada Penguasa Pelajaran Melayu, Ibu Pejabat Pelajaran, Bandar Seri Begawan, Brunei melalui saloran2 biasa tidak lewat daripada 15hb. April, 1972. Pengetua/Guru Besar dalam menyampaikan permohonan2 itu hendak-lah membuat ulasan sulit mengenai pemohon.

\$500 di-tawarkan untuk memberi maklumat

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pehak Polis sedang menawarkan hadiah sa-banyak \$500.00 untuk maklumat hingga tertangkap-nya sa-orang yang tanggung-jawab ka-atas satu kemalangan yang mengakibatkan kematian sa-orang Korea pada malam Sabtu lepas.

Kyung Swa Kim, 38, sa-orang Korea yang berkerja dengan Pemborong Dai Lim telah di-langgar oleh sa-buah kereta yang sedang menuju ka-Seria di-jalan raya berhadapan dengan L.N.G. di-batu 15.

Kereta itu enggan berhenti dan Kyung Swa Kim telah meninggal dunia akibat kemalangan itu pada ka-esokan hari-nya.

Polis perchaya kereta yang terlibat itu ia-lah sa-buah kereta station-wagon berwarna putih — mungkin jenis Holden.

Polis perchaya kereta itu mungkin mengalami kerosakan di-depan-nya akibat kemalangan itu.

Sa-siapa yang mempunyai maklumat mengenai dengan kemalangan itu boleh menghubungi mana2 balai polis yang berhampiran.

18 Pemain di-pilih mewakili Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN. — Satu pasukan sa-ramai 18 orang pemain2 bola sepak Belia Brunei akan bertolak ka-Bangkok dengan kapal terbang pada 12hb. April ini untuk mewakili Brunei ka-perlawanan Kejohanan Bola Sepak Pemuda Asia yang ke-14 di-Bangkok.

Mereka yang terpilih itu ia-lah Awangku Hassan bin Pengiran Zahari, Mahadi bin Latif, Mat Jaya bin Ibrahim, Ali bin Tahir, Mohammad bin Bungsu, Idris bin Ibrahim, Abang Rashidi bin Abang Haji Suhaili, Awangku Hassan bin

Tawaran dermasiswa untuk melanjutkan pelajaran ka-MARA

BANDAR SERI BEGAWAN. — Chalun2 dari bumiputera raayat Brunei serta yang dapat memenohi sharat2 dermasiswa ada-lah di-pelawa memohon untuk mendapat Dermasiswa Kerajaan Brunei bagi mengikuti salah satu daripada kursus di-dalam pengajian2 berikut di-Institut Teknologi MARA bagi Tahun Pengajian 1972/73:

KURSUS PROFESSIONAL

School of Accountancy — Association of Certified Accountants; *School of Administration and Law* — Chartered Institute of Secretaries; *School of Business and Management* — Diploma of Banking Studies; *School of Architecture, Design & Fine Art* — Architecture dan Valuatim; *School of Engineering* — Mechanical Engineering dan Electrical (Power) Engineering; *School of Library Science* — Librarianship (A.L.A.) dan Diploma in Librarianship; *School of Hotel and Catering Management* — Diploma in Institutional Management; dan *School of Mass Communication* — Journalism dan Public Relations.

Kelayakan:

Chalun2 mesti-lah lulus Sijil Pelajaran Malaysia (MCE) dan mendapat sekurang2-nya lima kepujian termasuk-lah — Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Ilmu Hisab, dan dua mata pelajaran yang lain yang berkaitan dengan kajian yang di-pilih. Saperti Ilmu Hisab Tambahan, Ilmu Alam, Sejarah, Ilmu Kesihatan, Rampaian Sains, Sains Tambahan, Ilmu Tumbuhan, Kaji-hayat, Fizik, Kimia, Sains Kejuruteraan dan Surveying.

School for Mass Communication

Chalun2 mesti-lah lulus Sijil Tinggi Persekolahan (H.S.C.) dengan mendapat peringkat Prinsipal di-dalam Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris dan lulus Kertas 'Am (General Paper).

Chalun2 yang tidak mempunyai kelulusan H.S.C. akan tetapi lulus peperiksaan M.C.E. dengan mendapat Lima kepujian termasuk-lah Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris dan Kesusasteraan Inggeris boleh juga di-pertimbangkan sekiranya mereka mempunyai pengalaman di-dalam bidang kewartawanan.

Kursus Librarianship (A.L.A.) dan Diploma in Librarianship

Chalun2 mesti-lah mempunyai — 5 kepujian termasuk-lah Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris di-dalam peperiksaan M.C.E. dan 2 Prinsipal yang berpangkat baik di-dalam peperiksaan H.S.C.

KURSUS PERSEDIAAN

Kelayakan:

Chalun2 mesti-lah lulus Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) ia-itu dari Sekolah Aliran Bahasa Melayu, dan mempunyai sekurang2-nya kepujian di-dalam empat mata pelajaran termasuk-lah Bahasa Melayu, Ilmu Hisab, Rampaian Sains dan lulus Bahasa Inggeris Rendah, keutamaan di-beri kepada penuntut2 yang mendapat kepujian di-dalam Ilmu Hisab Tambahan dan Sains Tambahan.

Kursus Persediaan ini akan di-jalankan sa-lama satu tahun dan penuntut2 yang lulus kursus ini boleh-lah melanjutkan pelajaran di-dalam kursus2 Professional.

Chalun2 mesti-lah di-akui sehat oleh doktor untuk mengikuti kursus.

Borang2 permohonan dan lain2 penerangan yang berkaitan boleh di-dapati daripada Pegawai Dermasiswa dan Kesejahteraan, Jabatan Pelajaran, Bandar Seri Begawan, Brunei.

Tarikh tutup bagi penerimaan permohonan ia-lah pada 13hb. April, 1972 (hari Khamis). Permohonan yang lewat tidak akan di-layan.

Chalun2 yang layak akan di-tapis (shortlisted) terlebih dahulu dan baru-lah di-panggil untuk di-temu duga pada suatu masa yang akan di-beritahu kelak.

Lawatan muhibbah belia2 ka-K.K.

BANDAR SERI BEGAWAN. — Majlis Belia2 Negeri Brunei akan menganjarkan lawatan muhibbah belia2 Brunei ka-Kota Kinabalu sa-lama lima hari mulai 31hb. Mei hadapan.

Sa-masa berada di-Kota Kinabalu belia2 dari Brunei itu juga akan mengadakan beberapa perlawanan sukan sa-chara persahabatan dengan belia2 di-Kota Kinabalu dan kemuncak dari lawatan itu belia2 Brunei akan mendaki Gunung Kinabalu.

Lawatan itu terbuka kepada semua belia2 di-negeri ini yang bergabung dengan Majlis Belia2 dan tambang kapal terbang pergi-balek akan di-tanggung oleh peserta itu sendiri.

Borang2 untuk menyertai rombongan tersebut boleh di-dapati dari dan di-kembalikan kepada Ketua Seksi Sosial M.B.B., Peti Surat 346, Bandar Seri Begawan. Borang2 penerimaan akan di-tutup pada 10hb. April.

Gerakan menyuntek menchegeh taun di-Ulu Belait

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Kesihatan telah menyusun rancangan bagi gerakan menyuntek bagi menchegeh penyakit taun di-Ulu Belait.

Pada 6hb. dan 7hb. April rombongan itu akan berada di-balai raya Sukang untuk menyuntek penduduk2 dari Kampong2 Tempinak, Dungun, Sembawang, Biadong

Ulu, Biadong Tengah, Biadong Hilir, Sukang dan Saud.

Rombongan perubatan itu akan melawat ka-Kampong Kuala Kukup pada 11hb. April dan ka-rumah panjang Buau pada 12hb. April.

Rombongan itu akan meneruskan lawatan-nya ka-lain2 kampong di-daerah itu sa-hingga 6hb. Mei.

Jabatan Kesihatan meminta kerjasama dari penghulu2 dan ketua2 kampong apabila rombongan itu berada di-kampong mereka.

Masa suntekan ia-lah dari pukul 8.30 pagi hingga 12.00 tengah hari dan 1.15 hingga 4.00 petang.

Kempen menyuntek itu ada-lah satu langkah berjaga2 sahaja dan bertujuan untuk memelihara keadaan baik yang sedia ada.